



## **SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

---

### **MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DENGAN KERAJAAN THAILAND MENGENAI KERJASAMA PERTANIAN**

---

**PUTRAJAYA, 9 JULAI 2026** – YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, bersama TYT Suriya Jungrungreangkit, Menteri Pertanian dan Koperasi Thailand, hari ini telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Thailand mengenai Kerjasama Pertanian.

Pemeteraian MoU tersebut berlangsung sempena Lawatan Rasmi TYT Anutin Charnvirakul, Perdana Menteri Thailand, ke Malaysia. YB Menteri telah menyertai delegasi Malaysia yang diketuai oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia, dalam Mesyuarat Dua Hala bersama TYT Anutin Charnvirakul.

MoU ini menyediakan kerangka kerjasama yang menyeluruh dalam pelbagai bidang strategik, termasuk sektor tanaman, ternakan, perikanan, fasilitasi perdagangan dan pemasaran produk pertanian, penyelidikan dan pembangunan (R&D), pembangunan kapasiti, biosekuriti, langkah-langkah sanitari dan fitosanitari (SPS), serta bidang-bidang lain yang telah dipersetujui bersama. Melalui kerangka kerjasama ini, kedua-dua negara dijangka dapat memperkukuh mekanisme komunikasi dan penyelarasan antara pihak berkuasa berkaitan secara lebih tersusun, terbuka dan berterusan, sekali gus membolehkan isu-isu berkaitan sektor pertanian dan agromakanan ditangani dengan lebih pantas, berkesan dan proaktif.

Selain itu, kedua-dua pemimpin telah mengadakan Mesyuarat Dua Hala yang memfokuskan usaha memperkukuh kerjasama ekonomi, perdagangan, pelaburan, pertanian, keterjaminan makanan serta isu-isu serantau dan antarabangsa yang berkepentingan.

Hubungan perdagangan produk pertanian dan agromakanan antara Malaysia dan Thailand terus berkembang dengan nilai perdagangan mencecah RM20.33 bilion bagi tempoh Januari hingga Disember 2025. Eksport utama Malaysia ke Thailand merangkumi kopi, koko, teh, rempah-ratus serta produk makanan diproses, manakala import utama dari Thailand termasuk daging dan produk berasaskan daging.

**Dikeluarkan oleh:**

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

